

# Industri kelapa mampu bertahan

BM 29 MAY 1994



LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin industri kelapa negara mampu bertahan jika penggunaan dan teknologi penanamannya dipertingkatkan.

Beliau berkata, tanaman kelapa tidak semestinya terlalu bergantung kepada air kelapa muda atau kegiatan mendapatkan minyak kelapa semata-mata.

Katanya, ada beberapa keistimewaan tersendiri kelapa yang boleh dimajukan, termasuk menjadikan umbutnya sebagai makanan sampingan.

"Saya fikir Kementerian Pertanian boleh mencari jalan menanam kelapa bagi mengambil umbutnya ketika pokok masih kecil di antara satu dan tiga tahun.

"Dengan cara ini, ia mungkin tidak memerlukan pokok yang tinggi, boleh ditanam lebih kerap dan tidak perlu dipanjat," katanya berucap merasmikan Pesta Kelapa Antarabangsa dan Pesta Sukan Air Peladang, Penternak

dan Nelayan 1994 di Taman CHOGM, Kuah.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Timbalan Menteri, T Marimuthu.

Perdana Menteri menyaksikan pertandingan pemanjat kelapa antarabangsa dan kebangsaan serta pertandingan memetik buah menggunakan beruk.

Antara negara yang mengambil bahagian di pesta kali kedua itu ialah Maldives, Papua New Guinea, Fiji, Bangladesh, Sri Lanka, Thailand dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, pada suatu masa lalu, kelapa adalah antara komoditi penting ekonomi negara sehingga muncul kelapa sawit.

Katanya, banyak pekebun kecil kelapa yang sudah tua meminta kerajaan membantu mereka dengan mengeluarkan subsidi sehingga tidak berusaha lebih gigih lagi.

"Bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi apabila buah kelapa muda dipopularkan sehingga permintaan untuk buah muda pula tidak mencukupi. Ada banyak lagi usaha untuk memastikan industri ini tidak mati begitu saja dengan mengalihkannya kepada punca lain.

"Air kelapa sendiri contohnya mempunyai khasiat untuk kesihatan yang boleh diterokai seperti khasiat minyak gamat," katanya.

Menurutnya, beliau mendapati ada penjual air kelapa muda tidak membuang sabut kelapa sehingga menyukarkan pembeli memegangnya.

"Saya fikir patut ada pertandingan supaya kelapa muda yang dijual, terutama kepada pelancong, lebih cantik dan ringan," katanya.

Beliau berkata, penjual buah itu juga perlu menyediakan sudu untuk memudahkan pembeli menikmati isi kelapa.

Perdana Menteri berkata, beliau bangga kerana

pesta berkenaan adalah unik dan amat sesuai untuk menarik pelancong khusus ke Langkawi.

Justeru itu, beliau berharap pesta seumpama itu dapat diadakan setiap tahun atau dua tahun sekali.

Terdahulu dalam ucapannya, Sanusi berkata, hampir semua negara yang mempunyai kelapa menghadapi masalah meningkatkan penggunaan tanaman itu, kecuali Malaysia.

Katanya, kejayaan sektor pelancongan banyak membantu industri kelapa dengan memperkenalkan penggunaan buah, lidi dan daun kelapa.

"Sejak tujuh tahun kita berhadapan dengan masalah kerana tidak cukup kelapa dan masalah untuk mengutip buah kelapa muda.

"Oleh itu, kita memperkenalkan subsidi beruk untuk membantu penanam pemanjat kelapa. Kita juga galakkan penanam mencari ganti pokok kelapa yang rendah," katanya.